KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## JUMAAT, 24 NOVEMBER 2023

## LAPORAN HARIAN

24/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **UCAPAN EVAW 2023 DARIPADA YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=1UuNTjoJXH8 | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **PENGUSAHA TASKA USAH KHUATIR LAKSANA SOP BAHARU** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1033319/pengusaha-taska-usah-khuatir-laksana-sop-baharu | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1180655/pengusaha-taska-tidak-kena-tindakan-jika-tak-tanya-ibu-bapa-anak | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.themalaysianinsight.com/s/473041 | THEMALAYSIANINSIGHT.COM |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/tiada-tindakan-dikenakan-jika-pengusaha-taska-tidak-hubungi-ibu-bapa/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **KES ROGOL KANAK-KANAK MUNGKIN AKIBAT KURANG ADVOKASI, KESEDARAN MASYARAKAT - AIMAN ATHIRAH** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-rogol-kanakkanak-mungkin-akibat-kurang-advokasi-kesedaran-masyarakat-aiman-athirah-447214 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1033290/tanggungjawab-bersama-banteras-jenayah-rogol-kanak-kanak | HMETRO.COM.MY |
| | https://selangorkini.my/2023/11/kerajaan-rangka-pelan-tindakan-lindungi-hak-kebajikan-kanak-kanak/ | SELANGORKINI.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/11/23/masalah-advokasi-mungkin-penyebab-masih-berlaku-kes-rogol-babitkan-kanak-kanak/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=F6nCQCarLGg | YOUTUBE |

24/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **KPWKM GALAK PENGUSAHA SEDIAKAN FASILITI PENJAGAAN WARGA EMAS** | |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2247304 | BERNAMA.COM |
| | https://www.utusan.com.my/terkini/2023/11/penjelasan-laporan-media-isu-pengwujudan-pusat-jagaan-warga-emas-di-fasiliti-kerajaan/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://suaramerdeka.com.my/penjelasan-laporan-media-isu-pengwujudan-pusat-jagaan-warga-emas-di-fasiliti-kerajaan/ | SUARAMERDEKA.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **TAK ADIL BEBANKAN TASKA ELAK KEMATIAN ANAK DALAM KERETA, KATA PENGUSAHA** | |
| | https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/473039 | THEMALAYSIANINSIGHT.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **ALL MUST BE IN TO SAVE OUR KIDS** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/23/all-must-be-in-to-save-our-kids | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **BERPAKAIAN OREN SOLIDARITI HENTIKAN KEGANASAN TERHADAP WANITA** | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/berpakaian-oren-solidariti-hentikan-keganasan-terhadap-wanita/ | BULETINTV3.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/11/23/sampaikan-mesej-anda-dengan-memakai-warna-oren/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.therakyatpost.com/trpbm/berita/2023/11/23/kempen-hentikan-keganasan-terhadap-wanita-27-november-ini-jangan-lupa-pakai-warna-oren/ | THERAKYATPOST.COM |

24/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **MP PROPOSES POLYGAMY AS A SOLUTION FOR WOMEN MARRYING LATE** | |
| | https://thesun.my/local/mp-proposes-polygamy-as-a-solution-for-women-marrying-late-HP11784333 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/23/pas-leaders-polygamy-solution-for-late-marriage-among-women | THESTAR.COM.MY |
| | https://sabahnews.com.my/isu-kahwin-lewat-lelaki-islam-harus-berkahwin-lebih-daripada-seorang-wanita-tuan-ibrahim/ | SABAHNEWS.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/poligami-bukan-ajaran-pas-tuan-ibrahim-bidas-mp-bayan-baru-447188 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/23/tuan-ibrahim-says-polygamy-permitted-in-islam-not-pas-teaching | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **'TAK WAJAR ISU POLIGAMI DIBAWA KE PARLIMEN' - NIE CHING** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1180600/tak-wajar-isu-poligami-dibawa-ke-parlimen-nie-ching | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **JANGAN HANTAR ANAK-ANAK KE TASKA TIDAK BERDAFTAR** | |
| | https://www.melakahariini.my/jangan-hantar-anak-anak-ke-taska-tidak-berdaftar/ | MELAKAHARIINI.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/kes-dera-kanak-kanak-di-melaka-meningkat-220-kes/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.melakahariini.my/sikap-peka-cakna-orang-ramai-kesan-kes-dera-lebih-awal/ | MELAKAHARIINI.MY |

24/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **PROTECTING CHILDREN FROM SEXUAL EXPLOITATION, ABUSE AND VIOLENCE** | |
| | https://themalaysianreserve.com/2023/11/23/protecting-children-from-sexual-exploitation-abuse-and-violence/ | THEMALAYSIANRESERVE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **APA PELAN TANGANI 9.19 JUTA KANAK-KANAK DI MALAYSIA?** | |
| | https://harakahdaily.net/index.php/2023/11/23/apa-pelan-tangani-9-19-juta-kanak-kanak-di-malaysia/ | HARAKAHDAILY.NET |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **KES DERA KANAK-KANAK DI TASKA, PUSAT ASUHAN MENINGKAT** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/11/23/kes-dera-kanak-kanak-di-taska-pusat-asuhan-meningkat/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **362 KES KEGANASAN RUMAH TANGGA SETAKAT OKTOBER 2023** | |
| | https://sabahnews.com.my/362-kes-keganasan-rumah-tangga-setakat-oktober-2023/ | SABAHNEWS.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **EMPAT PPS DI KELANTAN DITUTUP** | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/empat-pps-di-kelantan-ditutup/ | BULETINTV3.MY |

24/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **JKM HANTAR SEHINGGA 20 TAN MAKANAN KERING KE 156 PANGKALAN HADAPAN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/636035/edisi/pahang/jkm-hantar-sehingga-20-tan-makanan-kering-ke-156-pangkalan-hadapan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2023/11/1180455/jkm-sedia-hingga-20-tan-makanan-kering-setiap-pangkalan-hadapan | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **PENGURUSAN BANJIR TAHUN INI DIJANGKA LEBIH SISTEMATIK, LANCAR - ARMIZAN** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1180626/pengurusan-banjir-tahun-ini-dijangka-lebih-sistematik-lancar-armizan | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dgim-bantu-pastikan-pengurusan-banjir-lebih-sistematik-lancar-447246 | ASTROAWANI.COM |
| | https://malaysiagazette.com/2023/11/23/pengurusan-banjir-telah-ditambah-baik-tahun-ini-armizan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **BANJIR KELANTAN: JUMLAH PENDUDUK TERJEJAS BERKURANG** | |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/banjir-kelantan-jumlah-penduduk-terjejas-berkurang | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1180869/mangsa-banjir-di-kelantan-terengganu-berkurangan-malam-ini | BHARIAN.COM.MY |

24/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **DAKWAAN GANGGUAN SEKSUAL: PEGAWAI KANAN MARITIM SELESAI BERI KETERANGAN** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dakwaan-gangguan-seksual-pegawai-kanan-maritim-selesai-beri-keterangan-447265 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/23/govt-officer-linked-to-sexual-harassment-allegations-has-police-statement-recorded | THESTAR.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/11/23/cops-question-senior-govt-official-accused-of-sexual-harassment/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2023/11/981933/igp-police-record-mmea-dgs-statement-over-alleged-sexual-harassment | NST.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/636143/berita/semasa/dakwaan-gangguan-seksual-pegawai-kanan-maritim-selesai-beri-keterangan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/11/23/kp-agensi-keselamatan-beri-keterangan-kes-gangguan-seksual/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/11/23/gangguan-seksual-ketua-agensi-penguatkuasaan-selesai-dirakam-keterangan/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=ESVmIHDkpRw | YOUTUBE |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/23/dituduh-gangguan-seksual-ketua-agensi-kerajaan-beri-keterangan/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/ketua-pengarah-agensi-penguat-kuasa-hadir-beri-keterangan/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/11/1033404/mr-h-selesai-beri-keterangan | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **GURU DITUDUH LAKUKAN AMANG SEKSUAL FIZIKAL TERHADAP PELAJAR PEREMPUAN** | |
| | https://www.buletintv3.my/mahkamah/guru-dituduh-lakukan-amang-seksual-fizikal-terhadap-pelajar-perempuan/ | BULETINTV3.MY |

24/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **WANITA WARGA ASING DITAHAN DISYAKI BUANG BAYI** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1180765/wanita-warga-asing-ditahan-disyaki-buang-bayi | BHARIAN.COM.MY |
| | https://tvstv.my/2023/11/23/wanita-suspek-buang-sebabkan-kematian-bayi-di-batu-kawa-ditahan-polis/ | TVSTV.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/11/23/mayat-bayi-dalam-longgokan-sampah/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://suarasarawak.my/bayi-dibuang-di-tempat-pembuangan-sampah-mjc-ditemukan-tidak-bernyawa/ | SUARASARAWAK.MY |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/23/kes-buang-bayi-di-batu-kawa-wanita-warga-asing-ditahan | UTUSANBORNEO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **POLIS TAHAN LELAKI TUMBUK ISTERI, ANAK SELEPAS DIRAKAM BAWA BALIK TEMAN WANITA** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/636166/berita/semasa/polis-tahan-lelaki-tumbuk-isteri-anak-selepas-dirakam-bawa-balik-teman-wanita | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1180781/wanita-ditumbuk-kerana-rakam-kehadiran-kekasih-suami-di-bilik-tidur-rumah | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-lelaki-tumbuk-isteri-anak-selepas-dirakam-bawa-balik-teman-wanita-447264 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1033399/suami-tumbuk-isteri-rakam-perbuatannya-bawa-masuk-teman-wanita | HMETRO.COM.MY |

24/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **GURU MUZIK MENGAKU TIDAK BERSALAH TUDUHAN AMANG SEKSUAL MURID PEREMPUAN** | |
| | https://www.buletintv3.my/mahkamah/guru-muzik-mengaku-tidak-bersalah-tuduhan-amang-seksual-murid-perempuan/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **PEDOFILIA DITAHAN CABUL 2 KANAK-KANAK DI PPS** | |
| | https://www.buletintv3.my/jenayah/pedofilia-ditahan-cabul-2-kanak-kanak-di-pps/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/636152/berita/semasa/warga-emas-ditahan-cabul-dua-kanak-kanak-di-pps | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-terengganu-warga-emas-ditahan-cabul-kanakkanak-di-pps-447242 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1180668/warga-emas-ditahan-lakukan-amang-seksual-kanak-kanak-di-pps | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/23/warga-emas-ditahan-cabul-dua-kanak-kanak-di-pps | UTUSANBORNEO.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/23/warga-emas-ditahan-cabul-2-kanak-kanak-di-pps/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=RfU3cCdYsUQ | YOUTUBE |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/11/23/warga-emas-disyaki-cabul-dua-budak-perempuan-di-pps/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1033321/warga-emas-ditahan-laku-amang-seksual-budak-di-pps | HMETRO.COM.MY |

24/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | **POLIS CADANG TUDUH SUSPEK KES JUAL BELI BAYI** | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/11/polis-cadang-tuduh-suspek-kes-jual-beli-bayi/ | UTUSAN.COM.MY |

# Pengusaha taska usah khuatir laksana SOP baharu

Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my




Petaling Jaya: Prosedur operasi standard (SOP) untuk mewajibkan operator taman asuhan kanak-kanak (Taska) menghubungi ibu bapa sekiranya anak mereka tidak hadir ke premis itu tidak akan mengheret pihak berkenaan dalam sebarang tindakan sekiranya berlaku sebarang kecuaian.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata, SOP berkenaan bagi membantu mengelakkan sebarang kes seperti kematian kanak-kanak akibat tertinggal di dalam kereta seperti sebelum ini.

Menurutnya, tiada tindakan undang-undang yang akan dikenakan sebaliknya prosedur tambahan itu sebagai inisiatif untuk semua pihak memainkan peranan dalam menjaga keselamatan kanak-kanak.

"(Pihak taska) perlu bertindak dengan bertanya kalau anak terbabit tidak datang ke taska dalam masa (lama). Biasanya (kanak-kanak itu) datang jam 9 atau 8 pagi, (tetapi) dalam masa 45 minit belum sampai, jadi perlu tanya (pada waris).

"Kita tidak mengatakan mahu mengambil tindakan (jika pihak itu gagal berbuat demikian), janganlah takut. Ia untuk mengetatkan (SOP) selain menghubungi ibu bapa (diberikan) juga nombor kecemasan supaya orang ketiga boleh membantu untuk mencegah kejadian seumpama itu," katanya.

Nancy berkata demikian ketika ditemui selepas wawancara program Wanita Hari Ini di Sri Pentas, di sini, hari ini.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai pendakwaan kes kematian kanak-kanak di dalam kereta membabitkan kecuaian dan pengabaian, beliau berkata, perkara berkenaan di bawah bidang kuasa pihak berkuasa dan Peguam Negara (AG).

Bagaimanapun katanya, pihaknya akan mendapatkan maklumat berkaitan sebagai rujukan, namun setakat ini belum ada pendakwaan membabitkan kes seumpama itu.

Sebelum ini media melaporkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan mewajibkan operator taska menghubungi ibu bapa jika anak mereka tidak hadir bagi mengelakkan kes kematian kanak-kanak akibat tertinggal di dalam kereta.

Nancy dilaporkan berkata, SOP berkenaan perlu dikemas kini susulan beberapa insiden yang berlaku sejak kebelakangan ini selepas penjaga terlupa menurunkan anak mereka di taska dan meninggalkan mereka di dalam kereta.

**Disiarkan pada: November 23, 2023 @ 3:44pm**




Nancy Shukri bercakap ketika program wawancara Wanita Hari Ini di Sri Pentas. FOTO ASYRAF HAMZAH

# Kes rogol kanak-kanak mungkin akibat kurang advokasi, kesedaran masyarakat - Aiman Athirah

Hasimi Muhamad

November 23, 2023 14:42 MYT



*Aiman Athirah (foto) berkata kes rogol kanak-kanak berkemungkinan berlaku kerana masalah advokasi dan kesedaran dalam kalangan masyarakat. -Gambar fail/Bernama*

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memaklumkan Akta Kanak-Kanak 2001 dan akta berkaitan seksual kanak-kanak yang sedia ada, jika dilaksanakan dengan berkesan, sudah cukup untuk mengekang penderaan seksual dalam kumpulan tersebut.

Timbalan Menterinya, Datuk Aiman Athirah Sabu berkata, bagaimanapun kes rogol kanak-kanak berkemungkinan berlaku kerana masalah advokasi dan kesedaran dalam kalangan masyarakat.

"Sebab itulah di peringkat (kementerian) kita berusaha keras supaya mewujudkan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak ini supaya bukan sahaja memberikan nilai tambah kepada penambahan jawatan seperti mana yang disebut oleh Tumpat (Datuk Mumtaz Md Nawi).

"Tetapi kita boleh memberikan pengkhususan dan tumpuan dengan mewujudnya Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak.

"Kita ada pegawai pelindung kanak-kanak dan pegawai kebajikan kanak-kanak yang boleh memberikan tumpuan," katanya di Dewan Rakyat pada Khamis.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan R Yuneswaran (PH-Segamat) mengenai kejadian kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun yang dipercayai dirogol secara bergilir-gilir oleh tujuh lelaki yang juga rakan abangnya di sebuah kampung di Gerik seperti dilaporkan semalam.

Yuneswaran turut bertanya apakah langkah yang diambil oleh kerajaan dan perlunya undang-undang di negara ini dikaji semula bagi memastikan kejadian seperti itu tidak berulang.

Mengulas lanjut, Aiman Athirah berkata, dari segi Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak yang ditubuhkan pada 1 September lalu, terdapat sekurang-kurangnya sembilan perkara untuk mencegah penderaan seksual dan kes rogol kanak-kanak.

Antaranya pencegahan dan pertambahan jawatan, advokasi dan peranan komuniti setempat juga ibu bapa, serta pemulihan dan sokongan.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan kejadian rogol kanak-kanak berlaku kerana pengaruh media sosial.

"Jadi perkara-perkara itu memerlukan kerjasama supaya semua pihak boleh memberikan perhatian tentang perkara ini," katanya.

Dalam masa yang sama, beliau turut melahirkan kesedihannya kerana kes rogol kanak-kanak masih lagi berlaku.

# KPWKM GALAK PENGUSAHA SEDIAKAN FASILITI PENJAGAAN WARGA EMAS

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

23/11/2023 05:45 PM

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menggalakkan lebih ramai pengusaha untuk menyediakan fasiliti penjagaan warga emas, ketika Malaysia mencapai status negara tua menjelang 2030.

KPWKM dalam kenyataan hari ini memaklumkan pihaknya ingin membuat penjelasan dan pembetulan kepada kenyataan media mengenai 'Pengwujudan Pusat Jagaan Warga Emas di Fasiliti Kerajaan' yang disiarkan di beberapa media semalam.

"Seperti semua sedia maklum, Malaysia sedang menuju status negara tua menjelang tahun 2030. Justeru, kerajaan menggalakkan lebih ramai pengusaha untuk menyediakan fasiliti penjagaan warga emas," menurut kenyataan itu.

KPWKM turut memaklumkan bahawa kerajaan juga komited dalam membekalkan sistem sokongan dan persekitaran kondusif bagi meningkatkan penyertaan 60 peratus wanita dalam pasaran buruh dengan mengambil langkah proaktif melalui penyediaan insentif kepada pengusaha Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) di fasiliti kerajaan.

"Kerajaan juga menyediakan kemudahan subsidi yuran pengasuhan kanak-kanak di TASKA yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)," menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

# Tak adil bebankan taska elak kematian anak dalam kereta, kata pengusaha

Angie Tan

Dikemas kini 1 hari yang lalu · Diterbitkan pada 23 Nov 2023 7:00AM · 0 Komen



Pengendali taska dan tadika membantah rancangan Putrajaya memperkenalkan rangka kerja ketat memerlukan mereka hubungi ibu bapa jika anak tidak hadir. – Gambar fail The Malaysian Insight, 23 November, 2023.

PENGENDALI serta guru taman asuhan kanak-kanak (taska) dan taman bimbingan kanak-kanak (tadika) membantah rancangan Putrajaya untuk memperkenalkan rangka kerja kawal selia ketat yang memerlukan mereka menghubungi ibu bapa sekiranya anak mereka tidak hadir pada hari tersebut.

Mereka berkata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Nancy Shukri yang memberikan cadangan ini harus terlebih dahulu menggunakan pendekatan lembut dengan menggalakkan pusat dan guru ini melaporkan kejadian itu daripada memaksa mereka berbuat demikian mengikut undang-undang.

Presiden Persatuan Guru Prasekolah Kebangsaan Sally Ng memberitahu The Malaysian Insight jika cadangan ini dilaksanakan pemain industri akan menerima langkah-langkah untuk membendung peningkatan kes kematian kanak-kanak tertinggal di dalam kereta.

Nancy pada 13 November menekankan kepentingan menyemak semula prosedur operasi standard (SOP) untuk taska dan tadika berkata SOP yang dirombak itu memerlukan pengendali taska untuk segera menghubungi ibu bapa jika kanak-kanak tidak hadir bagi mencegah kemungkinan berlaku kesilapan atau perubahan rutin yang boleh menyebabkan kanak-kanak tertinggal di dalam kereta secara tidak sengaja.

Ng juga mempersoalkan mengapa taska, tadika dan guru mereka perlu mengambil sikap proaktif sedangkan ibu bapa harus bertanggungjawab terhadap kebajikan anak mereka.

"Mereka tidak boleh bergantung sepenuhnya pada taska," katanya.

Beliau berkata adalah sangat tidak adil untuk mengalihkan kesalahan kepada taska dalam kejadian malang itu.

"Kebanyakan orang pada umumnya tidak memahami betapa sibuknya taska pada waktu pagi.

"Tanggungjawab taska sejak mengambil alih menjaga kanak-kanak itu sudah besar, jadi kerajaan tidak seharusnya mengenakan langkah-langkah ini dan mengalihkan tanggungjawab itu kepada kami," kata Ng.

Pengendali tadika dan pusat jagaan kanak-kanak berlesen Lydia Looi juga mengkritik cadangan SOP itu dengan mengatakan ia hanya mengalihkan kesalahan atas kematian di pusat jagaan dan bukannya ibu bapa.

"Kemalangan ini berlaku kerana kecuaian ibu bapa, jadi mereka yang perlu bertanggungjawab.

"Sebaliknya tanggungjawab diletakkan di pusat jagaan kanak-kanak," katanya. – 23 November, 2023.

# Berpakaian oren solidariti hentikan keganasan terhadap wanita

23 November 2023, 7:00am




*Foto hiasan*

**Oleh: Wan Zairul Azri Wan Mohammad Sudin**

PUTRAJAYA: Rakyat negara ini diseru memakai pakaian berwarna oren (jingga) pada Sabtu ini untuk menunjukkan solidariti dan sokongan kepada kempen 'Hentikan Keganasan Terhadap Wanita'.

Dalam kenyataan hari ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) juga mengalu-alukan pemilik premis untuk menghiasi premis mereka dengan warna oren bagi menyokong kempen itu.

"Sebagai simbolik permulaan kempen 'Hentikan Keganasan Terhadap Wanita', KPWKM dengan kerjasama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu akan 'menyirami' Menara Kuala Lumpur dengan warna oren pada malam 24 November ini (Jumaat). Warna oren adalah warna global tanda solidariti bagi menghentikan keganasan terhadap wanita," menurut kenyataan itu.

25 November disambut sebagai Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita (International Day for the Elimination of Violence against Women – EVAW) di seluruh dunia.

Mengulas lanjut, KPWKM juga menyarankan agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan untuk melaksanakan program kesedaran menghapuskan keganasan dan penindasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan.

KPWKM mahu program dilaksanakan di peringkat akar umbi seperti di komuniti setempat, sekolah, universiti dan tempat kerja supaya matlamat kempen berkenaan tercapai.

"Marilah kita sama-sama berganding bahu untuk menjayakan kempen ini dan seterusnya menghentikan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan," menurut kenyataan itu.

# Apa pelan tangani 9.19 juta kanak-kanak di Malaysia?

November 23, 2023




*Mumtaz Md Nawi*

**KUALA LUMPUR**: Dato' Mumtaz Md Nawi (PN-Tumpat) telah meminta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat menyatakan pelan tindakan pihak kementerian tersebut.

Beliau juga meminta penjelasan berkaitan bilangan jabatan dan agensi khusus bagi menjaga pembangunan, perlindungan dan kebajikan seramai 9.19 juta orang kanak-kanak, yang merangkumi sebanyak 28.1 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia.

Hal tersebut, ujar beliau, adalah kerana golongan tersebut merupakan golongan terpenting dalam membentuk generasi akan datang.

Sehubungan itu, Timbalan Menteri kementerian terbabit, Aiman Athirah Sabu dalam jawapannya berkata, pihaknya sedang membangunkan satu pelan tindakan termasuk perlindungan golongan itu dalam dunia siber.

"Dasar Kanak-Kanak Negara dan pelan tindakan ini berdasarkan Akta Kanak-Kanak tahun 2021 dan Konvensyen Hak Kanak-Kanak.

"Empat sesi libat urus telah diadakan melibatkan penyertaan aktif pelbagai agensi kerajaan," katanya.

Dalam soalan tambahan, Mumtaz turut meminta pihak kementerian menyatakan fokus akta tersebut bagi memastikan hak golongan itu.

"Apakah fokus yang akan diberikan oleh pihak kementerian dalam memastikan bahawa Akta Kanak-Kanak yang akan dibentuk ini selari dengan permasalahan yang dihadapi oleh mereka pada masa akan datang serta fokus pihak kerajaan," katanya. – **HARAKAHDAILY 23/11/2023**

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# Kes dera kanak-kanak di taska, pusat asuhan meningkat

Oleh AMRAN MULUP 23 November 2023, 10:36 am



Gambar hiasan

MELAKA – Kes penderaan kanak-kanak di negeri ini meningkat tiga kali ganda kepada 306 kes berbanding tempoh sama tahun lalu susulan kejadian yang dilaporkan berlaku di pusat taska dan jagaan kanak-kanak tidak berdaftar.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Datuk Kalsom Nordin berkata, pertambahan 220 kes itu telah direkodkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri sehingga semalam.

Jelasnya, lebih separuh daripada kes dilaporkan melibatkan taska dan pusat jagaan kanak-kanak yang beroperasi tanpa lesen.

"Kebanyakan kes dera yang berlaku di negeri ini melibatkan taska dan pusat jagaan kanak-kanak tanpa lesen manakala ada juga penderaan oleh ibu bapa berlaku di rumah.

"Baru-baru ini sebuah taska diarahkan tutup ekoran penderaan seorang kanak-kanak di Pertam, saya tengok sendiri kanak-kanak yang didera itu di hospital amat menyedihkan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Kutipan Sumbangan Tabung Palestin oleh Wanita UMNO Melaka di Dewan UMNO Hang Tuah Jaya, Bukit Katil di sini, semalam.

Pada majlis itu sebanyak RM116,135 telah diserahkan hasil kutipan dalam tempoh dua hari tabung itu dilancarkan di enam bahagian UMNO di Melaka.

Tambah Kalsom, ibu bapa diingatkan untuk memastikan anak masing-masing dihantar ke taska yang mempunyai lesen sah dikeluarkan JKM, selain meneliti keselamatan keadaan persekitaran. – KOSMO! ONLINE

# Pedofilia ditahan cabul 2 kanak-kanak di PPS

23 November 2023, 4:58pm




KUALA TERENGANU: Polis Terengganu menahan seorang lelaki warga emas selepas disyaki melakukan amang seksual ke atas dua kanak-kanak perempuan di sebuah pusat pemindahan sementara (PPS), di Kuala Nerus, semalam.

Ketua Polis Terengganu , Datuk Mazli Mazlan berkata, penahanan suspek berusia 61 tahun itu dibuat susulan laporan polis daripada keluarga mangsa yang mendakwa anak perempuan mereka dicabul.

“Kita telah menerima dua laporan polis berkenaan kes amang seksual melibatkan 2 kanak kanak berumur 7 tahun yg berlaku di PPS yang dilakukan oleh seorang lelaki 61 tahun yang juga mangsa banjir yg ditempatkan di PPS yang sama”, katanya.




Mazli berkata, suspek dikatakan mengajak kedua-dua mangsa yang untuk menelaah pelajaran sebelum melakukan perbuatan terkutuk itu.

Kejadian itu disedari keluarga mangsa setelah diberitahu kanak-kanak berkenaan sebelum membuat laporan polis secara berasingan di Balai Polis Gong Badak.

Sementara itu Mahkamah Majistret Kuala Terengganu membenarkan suspek ditahan direman selama 7 hari bermula hari ini sehingga 29 November depan.

Kes disiasat bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

# Polis cadang tuduh suspek kes jual beli bayi


Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan

Oleh MEDIA MULIA 23 November 2023, 8:06 pm

PETALING JAYA: Kertas siasatan berhubung kes dua beranak serta seorang wanita Indonesia yang ditahan selepas dipercayai terlibat dengan urusan jual beli bayi serta melarikan bayi dalam kejadian di sebuah kedai barangan bayi di Jalan Ampang di sini diserahkan ke Pejabat Timbalan Pendakwa Raya (TPR).

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, kertas siasatan sudah diserahkan ke Pejabat TPR Selangor dengan cadangan tuduh kedua-dua suspek mengikut Seksyen 363 Kanun Keseksaan.

"Kedua-dua suspek sudah diberi jaminan polis semalam manakala ibu bayi itu masih dalam tahanan polis mengikut Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen 1952," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Isnin lalu, media melaporkan seorang wanita warga Indonesia bagaikan histeria apabila bayinya dilarikan oleh dua beranak dalam kejadian di sebuah kedai barangan bayi di Jalan Ampang Jumaat lalu.

Bagaimanapun, adegan wanita terbabit turut mendedahkan perbuatannya yang mahu menjual bayi lelaki yang berusia 15 hari ketika kejadian berkenaan kepada dua beranak terbabit.

Seorang pekerja di kedai barangan bayi yang enggan dikenali dipetik berkata, tiga wanita terbabit dilihat memasuki premis itu kira-kira jam 7 malam pada hari kejadian.

Menurutnya, wanita Indonesia itu kemudian dilihat meminta seorang daripada dua beranak berkenaan memegang bayi berkenaan yang menangis sementara dia memilih pakaian.

Katanya, beberapa minit kemudian, wanita yang membawa bayinya dilihat keluar dari kedai sebelum menaiki kereta dipandu seorang lagi wanita yang bersamanya sebelum itu. – UTUSAN

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TIADA TINDAKAN TASKA TAK HUBUNGI WARIS | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 24 NOV 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Tiada tindakan taska tak hubungi waris

**Petaling Jaya:** Pengusaha atau petugas taman asuhan kanak-kanak (taska) tidak akan dikenakan tindakan undang-undang jika tidak menghubungi ibu bapa yang anak mereka tidak hadir.

Sebaliknya, prosedur operasi standard (SOP) mewajibkan operator menghubungi ibu bapa sekiranya anak mereka tidak hadir adalah langkah tambahan bersama bagi mengelakkan kejadian kanak-kanak maut dalam kenderaan ibu bapa seperti sebelum ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, SOP itu hanya bagi membantu mengelakkan kes seperti kematian kanak-kanak tertinggal di dalam kereta seperti berlaku sebelum ini.

Katanya tiada tindakan undang-undang yang akan dikenakan kepada pemilik taska sebaliknya prosedur tambahan itu sebagai inisiatif untuk semua pihak menjaga keselamatan kanak-kanak.

"(Pihak taska) hanya bertindak dengan bertanya kalau anak terbabit tidak datang dalam masa (lama). Biasanya (kanak-kanak itu) datang jam 8 atau 9 pagi (tetapi) dalam masa 45 minit belum sampai jadi perlu tanya (kepada waris)," katanya selepas program *Wanita Hari Ini* di Sri Pentas, di sini, semalam.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TIADA TINDAKAN TASKA TAK HUBUNGI WARIS | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 24 NOV 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Tiada tindakan taska tak hubungi waris

**Petaling Jaya:** Pengusaha atau petugas taman asuhan kanak-kanak (taska) tidak akan dikenakan tindakan undang-undang jika tidak menghubungi ibu bapa yang anak mereka tidak hadir.

Sebaliknya, prosedur operasi standard (SOP) mewajibkan operator menghubungi ibu bapa sekiranya anak mereka tidak hadir adalah langkah tambahan bersama bagi mengelakkan kejadian kanak-kanak maut dalam kenderaan ibu bapa seperti sebelum ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, SOP itu hanya bagi membantu mengelakkan kes seperti kematian kanak-kanak tertinggal di dalam kereta seperti berlaku sebelum ini.

Katanya tiada tindakan undang-undang yang akan dikenakan kepada pemilik taska sebaliknya prosedur tambahan itu sebagai inisiatif untuk semua pihak menjaga keselamatan kanak-kanak.

"(Pihak taska) hanya bertindak dengan bertanya kalau anak terbabit tidak datang dalam masa (lama). Biasanya (kanak-kanak itu) datang jam 8 atau 9 pagi (tetapi) dalam masa 45 minit belum sampai jadi perlu tanya (kepada waris)," katanya selepas program *Wanita Hari Ini* di Sri Pentas, di sini, semalam.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | GURU MUZIK TAK MENGAKU SALAH | | |
| HARI : | JUMAAT | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 24 NOV 2023 | M/SURAT : | 06 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |



MOHAMAD Nazmi ketika dibawa ke Mahkamah Sesyen Ipoh.

**DITUDUH CABUL PELAJAR**

# Guru muzik tak mengaku salah

**Ipoh:** Seorang guru muzik mengaku tidak bersalah ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan amang seksual ke atas kanak-kanak perempuan yang juga pelajarnya pada Jun dan Julai lalu.

Tertuduh Mohamad Nazmi Mohamaed Nazri, 39, membuat pengakuan berkenaan sejurus pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Ainul Shahrin Mohamad.

Berdasarkan pertuduhan lelaki itu didakwa melakukan amang seksual terhadap kanak-kanak berusia 10 tahun enam bulan.

Perbuatan itu dilakukan di Bilik Muzik sebuah sekolah rendah kebangsaan di Lorong Pegoh 4, Taman Pengkalan Jaya di sini, masing-masing pada 9.45 pagi dalam bulan Jun serta pada 10.30 pagi dalam bulan Julai lalu.

Kedua-dua perbuatan itu adalah kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) yang jika sabit kesalahan, setiap dari pertuduhan itu memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan sebatan dan diletakkan di bawah pengawasan polis tidak kurang setahun namun tidak melebihi tiga tahun.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Qurratu'aini Khalifah manakala tertuduh diwakili peguam, Syahrul Nizam Mohd Rabi.

Qurratu'aini tidak menawarkan jaminan supaya tertuduh tidak dapat mengganggu mangsa namun Syahrul Nizam memohon anak guamnya dikenakan jaminan rendah, mengambil kira tertuduh sudah berkahwin dan mempunyai tiga anak berusia antara tiga hingga sembilan tahun serta turut menyara isterinya.

Selain itu, Syahrul Nizam turut meminta mahkamah mengambil kira bahawa tertuduh menghidap sakit jantung dan masalah kurang darah merah.

Mahkamah kemudiannya membenarkan tertuduh dijamin RM5,000 dengan seorang penjamin serta menetapkan tarikh 20 Disember depan untuk sebutan semula kes.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | POLIS PANGKAT KOPERAL NAFI TENDANG PASANGAN | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 24 NOV 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



MOHD Zulhazree (kanan) didakwa memukul isterinya pada Mei lalu.

# Polis pangkat koperal nafi tendang pasangan

**Ipoh:** Seorang anggota polis berpangkat koperal mengaku tidak bersalah ketika dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam atas dakwaan memukul isterinya, Mei lalu.

Tertuduh, Mohd Zulhazree Razali, 39, yang bertugas di Bahagian Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (BPJKK), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ipoh membuat pengakuan tidak bersalah itu sejurus pertuduhan dibaca di hadapan Majistret S Punitha.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa sengaja mendatangkan kecederaan terhadap Nur Atirah Suhana Che Razak, 29, yang juga isteri tertuduh dengan menendang, menampar dan memukul menggunakan bakul.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah rumah di Persiaran Hulu Bercham 8, Bandar Baru Putra, di sini, kira-kira jam 7 pagi, 9 Mei lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan dibacakan bersama Seksyen 326A kanun sama, sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum setahun atau denda sehingga RM2,000, atau kedua-duanya sekali.

Pertuduhan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Vatchira Wong Rui Fern manakala tertuduh diwakili peguam, Ahmad Syahmi Amran.

Pihak pendakwaan menawarkan jaminan RM5,000 namun Ahmad Syahmi merayu ia diringankan kepada RM2,000 memandangkan tertuduh menanggung empat anak masih bersekolah berusia lima hingga 10 tahun.

Di samping itu, Vatchira Wong juga turut memohon tertuduh dikenakan syarat tambahan iaitu tidak mengganggu mangsa sehingga kes selesai.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TIADA TINDAKAN JIKA CUAI: MENTERI | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 24 NOV 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

SOP OPERATOR TASKA

# Tiada tindakan jika cuai: Menteri

**Petaling Jaya:** Prosedur operasi standard (SOP) mewajibkan operator taman asuhan kanak-kanak (taska) menghubungi ibu bapa sekiranya anak mereka tidak hadir ke premis itu tidak mengheret pihak berkenaan dalam sebarang tindakan sekiranya berlaku sebarang kecuaian.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata, SOP berkenaan bagi membantu mengelakkan kes seperti kematian kanak-kanak akibat tertinggal di dalam kereta seperti sebelum ini.

Menurutnya, tiada tindakan undang-undang dikenakan sebaliknya prosedur tambahan itu sebagai inisiatif untuk semua pihak memainkan peranan dalam menjaga keselamatan kanak-kanak.

"(Pihak taska) perlu bertanya kalau anak terbabit tidak datang ke taska dalam masa (lama). Biasanya (kanak-kanak itu) datang jam 9 atau 8 pagi, (tetapi) dalam masa 45 minit belum sampai, jadi perlu tanya (pada waris).

"Kami tidak kata mahu ambil tindakan (jika pihak itu gagal berbuat demikian), jangan takut. Ia untuk mengetatkan (SOP) selain menghubungi ibu bapa (diberikan) juga nombor kecemasan supaya orang ketiga boleh membantu bagi mencegah kejadian seumpama itu," katanya selepas wawancara program Wanita Hari Ini di Sri Pentas di sini, semalam.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai pendakwaan kes kematian kanak-kanak di dalam kereta membabitkan kecuaian dan pengabaian, katanya, perkara itu di bawah bidang kuasa pihak berkuasa dan Peguam Negara (AG).

Bagaimanapun, katanya, pihaknya mendapatkan maklumat berkaitan sebagai rujukan, namun setakat ini belum ada pendakwaan membabitkan kes seumpama itu.

Sebelum ini media melaporkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mewajibkan operator taska menghubungi ibu bapa jika anak mereka tidak hadir bagi mengelakkan kes kematian kanak-kanak akibat tertinggal di dalam kereta.

Nancy dilaporkan berkata, SOP berkenaan perlu dikemas kini susulan beberapa insiden yang berlaku sejak kebelakangan ini selepas penjaga terlupa menurunkan anak mereka di taska dan meninggalkan mereka di dalam kereta.

**"Kami tidak kata mahu ambil tindakan (jika pihak itu gagal berbuat demikian), jangan takut. Ia untuk mengetatkan (SOP) selain menghubungi ibu bapa (diberikan) juga nombor kecemasan supaya orang ketiga boleh membantu bagi mencegah kejadian seumpama itu"**

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TUKANG URUT DIDAKWA LAGI! | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 24 NOV 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Tukang urut didakwa lagi!

*Lelaki pernah dituduh di mahkamah didakwa lagi atas dua pertuduhan cabul dan kelucahan terhadap pesakit*

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

**Muar**

Seorang tukang urut yang pernah dituduh atas kesalahan rogol dan mendatangkan kecederaan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan cabul dan kelucahan terhadap pesakitnya di sebuah rumah di Segamat, bulan ini.

Tertuduh, Harun Syed Hussien, 52, bagaimanapun tidak mengaku salah terhadap semua pertuduhan yang dibaca oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Irwan Suainbon.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa mencabul mangsa berusia 15 tahun ketika mahu mendapatkan rawatan selepas mengalami sakit dalaman dengan kejadian berlaku di rumah mangsa di Segamat, jam 6.30 petang, 8 November lalu.

Berikutan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama, penjara sehingga 20 tahun dan juga boleh dikenakan sebatan.

Bagi pertuduhan kedua pula, dia didakwa mengikut Seksyen 15 (a) (i) akta sama kerana bercakap lucah terhadap mangsa dengan semua kejadian, masa dan tempat berlaku di tempat sama.

Mengikut seksyen ini, tertuduh boleh dipenjara sehingga 20 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu pihak pendakwaan memohon mahkamah supaya tertuduh tidak dibenarkan ikat jamin dengan mengambil kira kesalahan yang membabitkan mangsa bawah umur.

"Dalam kes ini, OKT (orang kena tuduh) rapat dengan ibu mangsa, justeru pihak pendakwaan memohon agar tiada jaminan ditawarkan kepada tertuduh," hujahnya.

Selepas mendengar hujahan dan rayuan tertuduh, mahkamah membenarkan ikat jamin sebanyak RM14,000 bagi kedua-dua pertuduhan.

Mahkamah juga menetapkan 9 Januari depan sebagai sebutan semula kes, lantikan peguam tertuduh serta serahkan dokumen.

Selain itu, mahkamah juga mengarahkan tertuduh melapor diri di Balai Polis Labis setiap bulan serta tidak boleh mengganggu atau berhubung dengan mangsa serta saksi pendakwaan.

**» INFO**

- *Selepas mendengar hujahan dan rayuan tertuduh, mahkamah membenarkan ikat jamin sebanyak RM14,000 bagi kedua-dua pertuduhan*
- *Tertuduh perlu melapor diri di Balai Polis Labis setiap bulan*



HARUN (tengah) tidak mengaku bersalah terhadap semua pertuduhan yang dibaca oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Irwan Suainbon.

TAJUK : PARENTS, TEACHERS CAN EDUCATE KIDS ABOUT RISKS OF VAPING

HARI : JUMAAT
AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 24 NOV 2023
M/SURAT : 14

TONE : POSITIF
SEKTOR : KPWKM

RISING TREND

# Parents, teachers can educate kids about risks of vaping

**THE** drastic increase in schoolchildren who have turned to vaping has become a concerning trend, and several quarters have called for action to be taken to address vaping in schools.

As a society, it's our responsibility to address this issue with care, compassion, and understanding.

Vaping is not a harmless pastime. It poses serious health risks, especially for young individuals.

The chemicals in e-cigarettes can damage developing lungs, lead to addiction and have adverse long-term effects.

What is important is to engage the young in open, non-judgmental conversations, using real-life stories and visuals to illustrate the consequences of this habit.

We should consider counselling services. Trained professionals can help students understand the psychological factors driving their vaping habits and provide guidance on healthier coping mechanisms.

We should encourage peer support groups where students can share their experiences and struggles.

This creates a safe space for them to seek help from friends who may have overcome similar challenges.

We could promote extra-curricular activities and hobbies that can replace vaping, encourage students to explore their interests, such as sports, arts, or community service, as healthy alternatives to vaping.

It should be the responsibility of parents to educate their children on the harmful effects of vaping.

Teachers are overburdened with teaching, extra-curricular activities, examinations, and paper work.

Parents are acquainted with their children's personalities, needs and quirks. They can tailor their disciplinary approaches to suit each child.

This level of individualised guidance is hard to replicate in a school setting.

Parents have a greater ability to maintain discipline in their children's life. School teachers may come and go, but parents are a constant presence.

Consistent discipline helps children understand boundaries and expectations.



*Trained professionals can help students understand the psychological factors driving their vaping habits.* FILE PIC

Parents have the advantage of building trust and open lines of communication with their children.

This trust enables children to confide in their parents and seek guidance when they make mistakes.

When parents take the lead in disciplining their children, it teaches kids to take responsibility for their actions.

They learn that their choices have consequences and that they must be accountable for their behaviour.

Of course, there should be collaboration between parents and teachers. They can work together to address behavioural issues, creating a unified approach that benefits the children.

Teachers and parents could work together to nurture responsible, respectful and well-rounded individuals.

**TAN SRI LEE LAM THYE**
Chairman
Alliance For A Safe Community

TAJUK : DOSM: DIVORCES IN MALAYSIA UP 43 PER CENT IN 2022, MARRIAGES MARGINALLY DOWN

HARI : JUMAAT

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 24 NOV 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

# DoSM: Divorces in Malaysia up 43 per cent in 2022, marriages marginally down

**KUALA LUMPUR:** The number of divorces recorded in Malaysia rose to 62,890 in 2022 or 43.1 per cent more than the previous year, according to the Department of Statistics Malaysia (DoSM) yesterday.

On X, the DoSM also said recorded marriages declined 0.5 per cent to 214,824 across the same period.

Chief statistician Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin said the decline was primarily driven by a 4.1 per cent drop in Islamic marriages within 2022, which fell to 168,726 compared to 176,002 in 2021. The phenomenon was most apparent in Putrajaya where the number of Muslim marriages declined 19.6 per cent year-on-year, followed by Perak (-12.8 per cent), and Terengganu (-11.3 per cent).

In the same time, he said the number of non-Muslim marriages rose 15.3 per cent to 46,098 in 2022.

"Three states that recorded the most increase in non-Muslim marriages were Terengganu (40.2 per cent), Johor (26.6 per cent) and Negeri Sembilan (21.1 per cent)," he said.

According to official data, the oldest groom and bride in 2022 were 92 and 86 years' old, respectively.

"Additionally, 2.9 per cent of men aged 65 years and over married women aged 24 years and below, while 3.5 per cent of females aged 65 years and over married males aged 24 years and below," he said. — Malay Mail

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ELDERLY MAN HELD FOR SEXUAL ASSAULT AT FLOOD RELIEF CENTRE | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 24 NOV 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



Mazli speaks to the press. — Bernama photo

# Elderly man held for sexual assault at flood relief centre

**KUALA TERENGGANU:** A 61-year-old flood victim has been arrested for allegedly committing sexual assault on two girls at a relief centre (PPS) in Kuala Nerus district.

Terengganu police chief Datuk Mazli Mazlan said police picked up the elderly man on Wednesday after the girls' mothers lodged separate police reports.

The mothers claimed that the incident happened on Tuesday when the man coaxed their daughters to one corner on the pretext of wanting to teach them.

"The two girls, both aged seven, are staying at the PPS with their families while the suspect is there with his children and children-in-law.

"The girls' mothers and other family members were at the relief centre when the incident happened," he told a press conference at state police headquarters here yesterday.

He said the case is being investigated under Section 14 of the Sexual Offences Against Children Act 2017, which provides for a punishment of up to 20 years' jail and whipping on conviction.

Mazli said police would step up patrols at PPS to prevent a recurrence of the incident. He also advised parents to keep a close watch on the movements of their children at PPS.

"At every PPS there are two police personnel and two Rela members providing security for evacuees. However, we cannot do our security checks too frequently for fear of disturbing the privacy of evacuees," he added. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FOREIGNER ARRESTED AFTER NEWBORN'S BODY FOUND NEXT TO DUMPSTER | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 24 NOV 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Foreigner arrested after newborn's body found next to dumpster

**KUCHING:** Police have arrested a 23-year-old foreign woman in connection with the discovery of a newborn baby girl's body next to a dumpster in MJC Batu Kawa, here on Wednesday night.

Padawan police chief Supt Abang Zainal Abidin Abang Ahmad in a statement yesterday said the suspect was arrested following information gathered on her whereabouts.

"The suspect is being investigated under Section 318 of the Penal Code for concealment of birth by secret disposal of dead body," he said.

Abang Zainal Abidin said police received a call from a member of the public about the discovery of the newborn's body at 9.50pm.

The body was later sent to Sarawak General Hospital for further action, he added.

He also urged those with information on the case to call the Padawan district police on 082-862233.

According to sources, the baby's body was discovered by a passerby intending to throw rubbish in a dumpster.

A video of the heartbreaking discovery was posted on social media showing the body in a foetal position on the ground surrounded by rubbish.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAN CLAIMS TRIAL TO SEXUALLY ASSAULTING 10-YEAR-OLD NEIGHBOUR | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 24 NOV 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



The accused is seen with police personnel after being charged in court.

# Man claims trial to sexually assaulting 10-year-old neighbour

Jane Moh

SIBU: A 54-year-old man claimed trial in the Sessions Court here yesterday to a charge of sexual assault against a minor.

He was charged under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children 2017, which provides for a maximum 20 years in prison and caning upon conviction.

According to the charge, he physically sexually assaulted a 10-year-old girl, who is his neighbour, on Jan 1, 2023 at 10.30am in an abandoned building on the outskirts of town.

Judge Marutin Pagan allowed the accused to be released on RM6,000 bail with one local surety.

He is to appear in court again on Jan 9, 2024 for pre-trial case management.

Deputy public prosecutor David Bakit prosecuted the case, while the accused was unrepresented by legal counsel.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DISASTER PREPARENESS ENHANCED WITH DGIM PLATFORM | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 24 NOV 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Disaster preparedness enhanced with DGIM platform

**PUTRAJAYA:** The Defence Geospatial Information Management (DGIM) platform will be deployed to ensure the smooth management of floods during the northeast monsoon, said Minister in the Prime Minister's Department (Sabah, Sarawak Affairs and Special Functions) Datuk Armizan Mohd Ali.

He said the platform could also be accessed by NGOs for humanitarian missions during floods.

"The latest data from various agencies can be used to manage disaster such as improving preparedness and organising disaster response operations.

"It can also be useful in terms of information on assistance for victims and disaster impact value," he said at a disaster engagement session with the media and National Disaster Management Agency (Nadma) at its SMART headquarters in Pulau Meranti yesterday.

The platform was developed by the defence geospatial division of the Department of Survey and Mapping.

Armizan said the disaster dashboard on DGIM was used by the National Disaster Control Centre (NDCC) to beef up preparedness for disaster. He said while the DGIM platform was currently only used at the central level, its usage would be extended to states and districts.

Meanwhile, the number of flood victims in Kuala Nerus district in Terengganu remains the highest in the state, with 1,598 people from 430 families housed at 15 relief centres.

Kuala Terengganu district recorded 956 victims, followed by Marang (732 victims), 272 in Besut and 23 in Dungun.

In Kelantan, the number of flood evacuees remained unchanged with 373 people placed in relief centres in Pasir Puteh and Bachok.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | HARD ‘NO’ TO PAS’ POLYGAMY PROPOSAL | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 24 NOV 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Hard ‘no’ to PAS’ polygamy proposal

## Single women say there are more serious matters that should be discussed

By FATIMAH ZAINAL
fatimah@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** PAS deputy president Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man's suggestion that Muslim men should turn to polygamy to resolve the issue of unmarried Muslim women has come under fire from various parties including single Muslim women.

Lawyer Siti Kasim said there were more important national issues that should be raised in Parliament by the Kubang Kerian MP.

"This is the problem when we elect people who have no knowledge capital except to talk about irrelevant matters," she said when contacted yesterday.

In the meantime, she added, the rakyat are suffering through high prices and stagnant wages among others.

Siti said Tuan Ibrahim should apologise to all women and men for thinking that they have the same mentality as PAS.

"But of course he won't," she scoffed.

The Women's Aid Organisation (WAO) said before promoting polygamy, there is a need to ensure that men must first know their responsibility to their wives in a shared partnership and in raising children.

"In any family or marriage issue, it is important to always ensure that the household's needs are fulfilled, especially towards the more vulnerable group of women and children.

"This includes material, psychological and emotional needs," it said.

WAO also cited Telenisa findings by Sisters In Islam (SIS), which showed that the top four reasons for Muslim divorces were the same between 2016 and 2022.

The four reasons were communication problems, domestic violence, husbands not providing maintenance and infidelity or affair.

Except in 2020, communication breakdown was replaced by the joint category of financial problems and polygamy, WAO noted.

"We have to ensure women have the choice and freedom to choose what is best for their lives and empower them in every aspect. Our policy and culture should always aim to protect women from any form of violence.

"Men must also be made to understand that women are not merely to be wed and have children, we are whole individuals deserving of respect and equal partnership free of violence in all forms including financial and psychological," it added.

On Wednesday, Tuan Ibrahim said in Dewan Rakyat that allowing polygamy for Muslim men could be a way to address the issue of Muslim women marrying late in life.

When debating the 2024 Supply Bill for the Women, Family and Community Development Ministry, the former Cabinet minister pointed out that if a man was capable, qualified and fair, then he must be given moral support to take another wife.

Meanwhile, single women hit out at Tuan Ibrahim for his remarks.

Content writer Husna Karim, 34, said unmarried women are "not a problem to solve".

"But if he wants to solve a problem, then he could focus on solving the issue of job opportunities for the youth as many young people wish to marry but are hampered by the high cost of living.

"Getting married also does not mean that it's better as sometimes it doesn't work out and could end in divorce and broken families.

"Leave us alone ... we are happy and content with our lives," she said.

A civil servant who only wanted to be known as Amirah, 36, said polygamy could break up existing marriages.

"Not everyone wants to be a second, third or fourth wife.

"We are unmarried because we are happy being single.

"We are active contributors to the economy and society as we have jobs and roles in our communities," she said.

Syazwani Zul, 26, said late marriage should not have been brought up in Parliament.

"Cost of living is the top concern, and there are so many other issues of national interest to be raised," she said.

Yesterday, Tuan Ibrahim chided Bayan Baru MP Sim Tze Tzin for implying, in a post on social media, that polygamy is a teaching of PAS.

"Polygamy is not a teaching of PAS but is permitted in Islamic law," he told reporters in Parliament.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SENIOR-FRIENDLY CITY OPLAN FOR PENANG | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | THE SUN DAILY |
| TARIKH | : | 24 NOV 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Senior-friendly city plan for Penang

**GEORGE TOWN:** The Penang government has introduced an age-friendly city project, which is being implemented in phases to create a conducive environment for all levels of society, particularly senior citizens.

State Social Development, Welfare and Non-Islamic Affairs Committee chairman Lim Siew Khim said a strategic and comprehensive plan will be formulated in December for implementation next year, by declaring Penang Island an age-friendly city in 2025.

"The island has been chosen for the pilot project to conduct an in-depth study based on the World Health Organisation age-friendly cities framework.

"I wish to stress that Seberang Perai has not been sidelined in any way. The Seberang Perai City Council plan for its age-friendly city will be started in 2024," she said at the Penang legislative assembly yesterday.

Lim added that the state government, supported by the Penang Women's Development Corporation, will work closely with the council to ensure Seberang Perai also achieves age-friendly city status. – Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 43 KANAK-KANAK TABIKA TERUJA LAWAT AFRS LIMBANG | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 24 NOV 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 43 kanak-kanak tabika teruja lawat AFRS Limbang

**LIMBANG:** Teruja dan seronok, itu perasaan kira-kira 43 kanak-kanak bersama empat guru dan empat pembantu guru ketika mengadakan lawatan sambil belajar ke Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat Lapangan Terbang (AFRS) Limbang kelmarin.

Meskipun belum mengenal peranan sebenar yang dipikul anggota bomba, namun melalui lawatan itu kanak- kanak yang didedahkan dengan peranan anggota penyelamat itu ternyata teruja ingin mengetahui lebih lanjut mengenai kerjaya pasukan berceloreng jingga itu.

Ketua rombongan Rosnani Usut berkata, lawatan pendidikan tersebut melibatkan Tabika KEMAS Pusat Kegiatan B dan C, Tabika KEMAS Pasukan Gerakan Am (PGA) A dan B serta Tabika Nauran.




**TERUJA: Seorang kanak-kanak perempuan begitu seronok memadam api sambil dibantu angggota AFRS Limbang kelmarin.**

Katanya, lawatan sambil belajar sedemikian diadakan setiap tahun.

Pada lawatan tersebut, kanak-kanak didedahkan dengan pelbagai kemahiran dan asas sebagai anggota bomba dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat.

"Respons yang ditunjukkan amat baik.

"Mereka begitu teruja dan tidak takut untuk mencuba dan menggunakan peralatan bomba semasa sesi taklimat yang dijalankan anggota AFRS.

"Walaupun pada usia muda, namun itu bukan penghalang untuk mereka mendapatkan pengetahuan dan pendedahan, seperti kata pepatah, meluntur buluh biar dari rebungnya," katanya.

Terdahulu para rombongan turut diberi taklimat mengenai peranan AFRS.

Turut hadir ialah Ketua Lapangan Terbang Limbang Heng Ai Joo, Ketua Unit AFRS Joseph James Ugil, Ketua Aviation Security (AVSEC) Lapangan Terbang Limbang Derahman Rebi dan wakil Pengurus MASwings Limbang.

TAJUK : KES BUANG BAYI DI BATU KAWA, WANITA WARGA ASING DITAHAN

HARI : JUMAAT

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 24 NOV 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Kes buang bayi di Batu Kawa, wanita warga asing ditahan

KUCHING: Seorang wanita warga asing dipercayai ibu kepada bayi yang ditemui mati di kawasan pembuangan sampah di Jalan Batu Kawa, di sini ditahan untuk siasatan lanjut.

Ketua Polis Daerah Padawan Superintenden Abang Zainal Abidin Abang Ahmad berkata pihaknya menerima laporan penemuan mayat bayi tersebut sekitar jam 9.50 malam kelmarin.

Menurutnya, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) IPD Padawan dan IPK Sarawak digerakkan ke lokasi kejadian untuk menjalankan siasatan.

"Pihak forensik D10 JSJ IPK Sarawak dan Jabatan Perubatan Forensik Hospital Umum Sarawak (HUS) telanh menjalankan siasatan di tempat kejadian dan mayat bayi kemudian dibawa ke HUS untuk tindakan selanjutnya.

"Hasil daripada maklumat, seorang wanita warga asing berusia 23 tahun telah ditahan untuk siasatan lanjut," katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Tambahnya, wanita terbabit ditahan di bawah Seksyen 318 Kanun Keseksaan iaitu menyembunyikan kelahiran dengan jalan membuang mayat dengan sulit.

Jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

"Justeru kita mohon orang ramai agar tidak membuat sebarang spekulasi negatif berkaitan kejadian ini bagi mengelakkan timbulnya kekeliruan serta dikhuatiri mengganggu siasatan polis.

"Bagaimanapun, orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian boleh menghubungi bilik gerakan IPD Padawan di talian 082-862233," ujarnya.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LEBIH 200 MURID SERTAI LATIHAN KEBAKARAN DAN MKAA DI LAWAS | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 24 NOV 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



**KEMAHIRAN: Murid- murid yang menyertai Latihan Keselamatan Kebakaran dan Majlis Keselamatan Aktiviti Di Air di Lawas, Selasa lepas.**

# Lebih 200 murid sertai latihan kebakaran dan MKAA di Lawas

**LAWAS:** Lebih 200 murid termasuk kanak-kanak prasekolah dan guru menyertai Latihan Keselamatan Kebakaran dan Majlis Keselamatan Aktiviti Di Air (MKAA) di daerah ini, Selasa lepas.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Lawas Azman Ibrahim berkata, latihan itu mampu meningkatkan tahap kesedaran dalam aspek keselamatan kebakaran.

"Selain itu objektif kita adalah untuk memberi pendedahan ilmu menyelamat di air, latihan berenangi dan aktiviti penyelamatan di air serta pada masa sama membudayakan ilmu keselamatan kebakaran,"katanya dalam kenyataan media, semalam.

Azman juga optimis peserta yang menyertai latihan itu dapat menjadi mata dan telinga kepada jabatan jika berlaku insiden kecemasan.

Latihan bermula jam 8 pagi hingga 12.30 tengah hari dan pengisian program termasuklah, ceramah keselamatan kebakaran, latihan kebakaran dan latihan berenang menyelamat di air.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WARGA EMAS MENGAKU TIDAK BERSALAH TUDUHAN SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 24 NOV 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



**NAFI: Ting (tengah) dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Sibu selepas didakwa atas pertuduhan melakukan serangan seksual terhadap seorang kanak-kanak.**

# Warga emas mengaku tidak bersalah tuduhan seksual terhadap kanak-kanak

**SIBU:** Seorang warga emas mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan seksual terhadap seorang kanak-kanak bawah umur, awal tahun ini.

Ting Ing Ung, 54, kemudian dibenarkan bebas dengan ikat jamin RM6,000 berserta seorang penjamin oleh mahkamah.

Hakim Marutin Pagan yang mendengar kes, kemudian menetapkan 9 Januari 2024 sebagai tarikh pengurusan kes.

Mengikut pertuduhan, Ting didakwa melakukan serangan seksual terhadap seorang kanak-kanak berumur 10 tahun dengan tujuan untuk melakukan hubungan seksusal.

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di sebuah bangunan terbiar di Jalan Tanjung Kunyit pada 1 Januari 2023, kira-kira jam 10.30 pagi.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan dihukum mengikut Sesyen 14, akta yang sama.

Seksyen 14 ini memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan juga boleh dikenakan sebatan jika sabit dengan kesalahan.